

21 FEB 1997

TAJUDIN NAFI MHS TERBABIT DALAM RANCANGAN MENYELAMAT FOKKER

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Malaysian Helicopter Services Bhd (MHS) tidak terbabit dalam cadangan Malaysia untuk menyelamatkan syarikat pengeluar pesawat terbang yang berpangkalan di Belanda, NV Fokker kata pengarah MHS, Tan Sri Tajudin Ramli hari ini.

Beliau memberitahu perkara itu kepada pemberita pada majlis perjumpaan Aidil Fitri dan Tahun Baru Cina Technology Resources Industries Bhd di sini apabila diminta mengulas mengenai perkara berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan pada Rabu bahawa kerajaan telah mengadakan perbincangan untuk mengambil alih Fokker setelah tersiar laporan bahawa Malaysia telah muncul sebagai pihak terbaru yang bercadang menyelamatkan syarikat berkenaan bersama beberapa rakan niaga antarabangsa.

Pengesahan Dr Mahathir mengenai perkara itu mencetuskan khabar angin bahawa MHS mungkin terbabit bersama Khazanah Nasional dalam usaha menyelamatkan itu.

Fokker, salah sebuah syarikat pengeluar pesawat terbang tertua di dunia diputuskan muflis Mac tahun lepas setelah pemegang saham majoritinya, Daimler Benz dari Jerman menarik diri dari syarikat itu. -- BERNAMA

MK DIN/sia